

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1990/1991

Oktober/November 1990

BBT 443/3: BOTANI EKONOMI

Masa: [3 jam]

Jawab LIMA daripada ENAM soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

(BBT 443/4)

1. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan teori Pusat Asal Usul Tumbuhan.

(5 markah)

- (b) Di manakan Pusat Asal Usul Tumbuhan tersebut serta bincangkan dua jenis tanaman yang didomestikasikan di setiap pusat yang anda sebutkan itu.

(15 markah)

2. Bincangkan tujuan, masalah dan jalan penyelesaian yang diambil untuk melaksanakan falsafah 'revolusi hijau'

(20 markah)

3. (a) Apakah kriteria yang menyebabkan buahan tropika Malaysia berpotensi di pasaran dunia?

(10 markah)

- (b) Bincangkan cara untuk memajukan industri buah-buahan tropika Malaysia di pasaran dunia.

(10 markah)

4. Bincangkan kegunaan bahan-bahan alkaloid dan steroid yang berasal daripada tumbuhan terhadap kebajikan manusia.

(20 markah)

(BBT 443/4)

5. Tuliskan nota mengenai penggunaan dan kepentingan ekonomi tumbuh-tumbuhan yang berikut:

- (a) Myristica fragrans (pala)
- (b) Simmondsia chinensis (jojoba)
- (c) Cannabis sativa (ganja)
- (d) Vitis vinifera (anggur)
- (e) Parthenium argentatum (guayale)

(20 markah)

6. Pokok getah, Hevea brasiliensis ialah salah satu tanaman utama di Malaysia. Tetapi, semua pokok di ladang Malaysia ialah keturunan dari 21 biji benih yang di bawa dari Brasil, melalui Kebun Botani Singapura. Apakah masalah-masalah yang berpunca daripada sumber genetik yang begitu sempit? Bagaimanakah sumber genetik ini dapat diperluaskan? Apakah faedah-faedahnya sumber genetik yang luas untuk pembiakbakaan pokok getah? Apakah faktor-faktor yang menyebabkan hakisan genetik pada masakini?

(20 markah)

-ooo0ooo-